

STPM Kertas 1 2020:

Soalan 3

- (a) Takrifkan liabiliti dan ekuiti. (2)
- (b) Akaun belum bayar dan hasil belum terperoleh adalah item liabiliti kerana kedua-duanya mengakibatkan perniagaan menanggung obligasi semasa. Jelaskan perbezaan tuntutan obligasi bagi kedua-dua liabiliti itu dengan memberikan contoh urusan niaga. (3)
- (c) Bagaimanakah liabiliti waranti dan liabiliti luar jangka dipersembahkan dalam penyata kedudukan kewangan? (2)
- (d) Syarikat Dapur Nusantara Sdn Bhd menyediakan perkhidmatan catering untuk majlis keramaian. Tempoh perakaunan perniagaan berakhir pada setiap 30 Jun. Pada 30 Jun 2018, maklumat liabiliti Syarikat Dapur Nusantara Sdn Bhd adalah seperti yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>RM</i>
Akaun belum bayar	26,000
Gaji belum bayar	5,500
Belanja utiliti terakru	2,800
Hasil belum terperoleh	4,200
Nota belum bayar 8%	12,000
Pinjaman 12%	30,000

Maklumat tambahan:

- (1) Nota belum bayar 8% telah diterbitkan pada 1 Mac 2018 untuk belian peralatan dapur dan akan matang dalam tempoh enam bulan.
- (2) Pinjaman 12% telah diterima pada 1 Oktober 2017 dengan bayaran ansuran tahunan sebanyak RM10,000 berserta faedah pada setiap 30 September.
- (3) Belanja faedah bagi (1) dan (2) masih belum direkodkan.
- (4) Sebanyak 80% daripada hasil belum terperoleh telah diiktiraf.
- (5) Pada 29 Jun 2018, Syarikat Dapur Nusantara Sdn Bhd telah menerima cek berjumlah RM7,500 dari Syarikat Mawar Merah Design Sdn Bhd sebagai bayaran tempahan bagi perkhidmatan catering pada penghujung Julai 2018. Keseluruhan amaun yang diterima telah diiktiraf sebagai hasil perkhidmatan.

Dikehendaki:

- (i) Sediakan catatan jurnal pelarasan pada 30 Jun 2018. (6)
- (ii) Sediakan bahagian liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada 30 Jun 2018. (7)